

UCAPAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK KERJA RAYA
MALAYSIA 2026

SALUTASI

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Segulai Sejalai.

1. Saya bersyukur kerana pada hari ini kita sekali lagi dipertemukan di bumi Sabah bagi meneruskan Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya Malaysia 2026. Tahun lalu kita memulakan perjalanan ini di Sarawak dengan satu harapan yang cukup jelas bahawa **kolaborasi ini tidak akan berakhir sebagai sebuah program tahunan, tetapi berkembang menjadi satu budaya kerja baharu yang menyatukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam satu matlamat yang sama, iaitu membina Malaysia melalui infrastruktur yang berkualiti, mampan dan memberi manfaat kepada rakyat.**
2. Saya ingin menegaskan bahawa bagi saya, **infrastruktur bukan sekadar soal jalan raya, jambatan atau bangunan. Infrastruktur ialah asas kepada peluang ekonomi, akses kepada pendidikan dan kesihatan, keselamatan rakyat serta keyakinan pelabur terhadap negara. Apabila sebuah jalan siap dibina, yang sebenarnya sedang kita bina ialah peluang pekerjaan, mobiliti rakyat dan masa depan sesebuah komuniti.**
3. Justeru, saya mahu kita **mengubah cara kita berfikir. Kita tidak boleh lagi mengukur kejayaan berdasarkan berapa kilometer jalan**

yang dibina atau berapa banyak projek yang diluluskan. Ukuran sebenar ialah sejauh mana kehidupan rakyat menjadi lebih baik. Adakah perjalanan mereka lebih selamat? Adakah kos logistik menjadi lebih rendah? Adakah pelaburan baharu dapat diwujudkan? Itulah ukuran kejayaan sebenar sebuah kementerian.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

4. Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam agenda pembangunan negara. Saya tidak pernah melihat pembangunan di Borneo sebagai agenda wilayah semata-mata. **Saya melihatnya sebagai agenda nasional. Pan Borneo, Sarawak Sabah Link Road, Lebuhraya Trans Borneo dan pelbagai projek strategik lain bukan sekadar projek fizikal. Ia adalah jambatan yang menghubungkan peluang, menyatukan ekonomi dan memperkukuhkan perpaduan negara.**
5. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga Kementerian, JKR, LLM, CIDB, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta semua rakan strategik yang telah bekerja tanpa mengenal penat lelah sehingga membolehkan kita menyaksikan kemajuan yang amat membanggakan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. **Pencapaian projek-projek seperti Lebuhraya Pan Borneo, kemajuan Sarawak-Sabah Link Road (SSLR), pelaksanaan inisiatif pendigitalan dan kerjasama merentas agensi membuktikan bahawa apabila kita bergerak sebagai satu pasukan, tiada cabaran yang mustahil untuk diatasi.**

6. Namun, **saya ingin mengingatkan bahawa kejayaan bukanlah destinasi terakhir.** Kejayaan adalah **amanah yang menuntut kita bekerja dengan lebih kuat, bergerak dengan lebih pantas dan berfikir lebih jauh.** Saat kita mula berasa selesa dengan pencapaian hari ini, pada saat itulah kita sebenarnya mula **ketinggalan.** Negara lain sedang mempercepatkan transformasi mereka. Oleh itu, **kita juga mesti sentiasa mencabar diri untuk menjadi lebih cekap, lebih inovatif dan lebih berani melakukan pembaharuan.** Saya mahu **budaya kecemerlangan menjadi identiti Kementerian** ini, bukan kerana kita berpuas hati dengan apa yang telah dicapai tetapi kerana **kita sentiasa percaya bahawa rakyat berhak menerima sesuatu yang lebih baik daripada apa yang kita berikan semalam.**
7. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan satu mesej yang jelas. Cabaran terbesar kita hari ini bukan lagi kekurangan perancangan. **Cabaran sebenar ialah kelajuan pelaksanaan.** Isu pengambilan tanah, pemindahan utiliti, penyelarasan antara agensi dan proses membuat keputusan tidak boleh terus menjadi alasan yang menghalang kemajuan projek. **Rakyat tidak menilai kita berdasarkan alasan. Mereka menilai kita berdasarkan hasil.**
8. Sebab itu, saya mahu **budaya kerja baharu terus diterapkan.** Saya mahu setiap kementerian, jabatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan pihak berkepentingan meninggalkan mentaliti bekerja secara silo. Sebarang isu yang boleh diselesaikan melalui satu meja rundingan tidak seharusnya mengambil masa berbulan-bulan atau

bertahun-tahun. **Kolaborasi mesti menjadi amalan harian, bukan sekadar tema seminar atau perbincangan meja bulat.**

Para Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

9. Dalam era pendigitalan ini, saya percaya **transformasi digital bukan lagi pilihan. Ia adalah satu keperluan.** Negara yang mampu membuat keputusan berdasarkan data akan sentiasa mendahului negara yang bergantung kepada andaian. Sebab itulah kita **memperkukuhkan penggunaan Building Information Modelling (BIM), kecerdasan buatan (AI), pendigitalan aset dan analitik data dalam keseluruhan kitaran hayat infrastruktur.**
10. Saya juga mahu melihat ***National Construction Information Platform*** atau **NCIP** menjadi **nadi baharu kepada ekosistem pembinaan negara.** NCIP bukan sekadar pangkalan data. Saya melihatnya sebagai pusat kecerdasan nasional yang menghimpunkan data projek, aset, penyelenggaraan, pematuhan dan prestasi untuk **membantu kerajaan membuat keputusan yang lebih pantas, lebih tepat dan lebih telus.** Pada masa hadapan, **dasar tidak sepatutnya dibentuk berdasarkan persepsi, tetapi berdasarkan bukti.**
11. Begitu juga dengan inisiatif **MyJalan.** Yang menjadikan saya sedih ialah masih ramai yang melihat MyJalan sebagai aplikasi aduan. **Saya melihatnya jauh lebih besar daripada itu. MyJalan ialah simbol perubahan cara kerajaan berinteraksi dengan rakyat. Setiap aduan yang diterima bukan sekadar laporan kerosakan, tetapi data lapangan yang membolehkan kita memahami corak penyelenggaraan, mengutamakan keperluan rakyat dan mengurus aset negara secara lebih proaktif.**

12. **Saya juga mahu sektor pembinaan Malaysia beralih daripada budaya membina kepada budaya mengurus aset.** Membina infrastruktur adalah permulaan. Cabaran sebenar ialah memastikan aset tersebut terus memberi nilai selama puluhan tahun. **Penyelenggaraan bukan lagi kos. Penyelenggaraan ialah pelaburan yang melindungi keselamatan rakyat, mengurangkan pembaziran dan memelihara kekayaan negara. Inilah perubahan pemikiran yang ingin saya terapkan dalam ekosistem Kementerian.**

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian,

13. **Kolaborasi strategik yang kita adakan hari ini juga mesti menjadi platform pemindahan ilmu.** Amalan terbaik daripada projek seperti ECRL, inovasi kejuruteraan JKR Sarawak, pengalaman JKR Sabah menangani cabaran geografi serta kepakaran CIDB dalam pendigitalan perlu dikongsi secara terbuka. **Pengetahuan harus juga berada di luar sempadan organisasi. Semakin banyak kita berkongsi, semakin cepat negara akan maju ke hadapan.**
14. **Saya juga ingin melihat kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkembang melangkaui pelaksanaan projek.** Kita perlu bersama-sama dalam **membina kapasiti, melahirkan lebih ramai jurutera digital, memperkukuhkan TVET, memperluaskan penggunaan teknologi pintar serta menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai antara peneraju pembangunan infrastruktur pintar di rantau ini. Saya percaya Borneo mampu**

menjadi makmal terbaik negara bagi inovasi infrastruktur masa hadapan.

15. Justeru, deklarasi yang akan kita tandatangani selepas ini **tidak boleh menjadi dokumen yang disimpan di atas rak. Saya mahu ia menjadi komitmen bersama yang dipantau secara berkala, diterjemahkan kepada pelan tindakan yang jelas dan diukur melalui pencapaian sebenar. Setiap agensi perlu tahu apakah tanggungjawabnya, apakah sasaran yang perlu dicapai dan bagaimana kita akan saling melengkapi dan bertanggungjawab antara satu sama lain.**
16. Sebagai Menteri Kerja Raya, aspirasi saya amat jelas. **Harapan saya adalah agar KKR dikenali bukan hanya kerana membina projek yang baik, tetapi kerana membina sebuah sistem penyampaian yang cekap, berintegriti dan berpaksikan rakyat.** Saya mahu Malaysia dikenali sebagai negara yang mengurus aset infrastrukturnya menggunakan data, teknologi dan kepakaran tempatan. Setiap rakyat, sama ada di Kota Kinabalu, Kuching, Tawau, Lawas mahupun Kuala Lumpur, harus merasai bahawa **pembangunan negara berlaku secara adil, menyeluruh dan inklusif.**
17. Akhir sekali, saya ingin mengajak semua yang hadir pada hari ini supaya **melihat kolaborasi ini sebagai satu amanah, bukan satu acara.** Sebelum kita meninggalkan dewan ini, **saya ingin memberikan satu cabaran** kepada semua agensi yang hadir pada hari ini. Apabila kita bertemu semula pada Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya yang akan datang, saya mahu kita **datang**

dengan hasil yang boleh diukur dan perubahan yang boleh dirasakan. Saya mahu melihat tempoh pemindahan utiliti berjaya dipendekkan, penggunaan BIM dan pendigitalan berjaya diperluaskan, data aset berjaya disepadukan melalui NCIP, perkongsian kepakaran berjaya diperkasakan, dan yang paling penting, penyampaian kepada rakyat menjadi lebih pantas serta lebih berkesan. Jika setahun dari sekarang kita masih membincangkan cabaran yang sama tanpa penyelesaian yang nyata, maka kita harus berani mengakui bahawa kita belum memenuhi amanah yang telah diberikan kepada kita. Saya percaya setiap agensi di sini mempunyai keupayaan untuk mengubah keadaan itu. **Bergerak lebih pantas, bertindak lebih berani, berkongsi lebih banyak dan menyelesaikan masalah sebelum ia menjadi krisis.**

18. **Dengan ini, sukacitanya saya merasmikan Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya 2026.**

Terima kasih.